



PELAN STRATEGIK
MAJLIS PERBANDARAN
MUAR
2021-2025





**PELAN
STRATEGIK
MAJLIS
PERBANDARAN
MUAR
2021-2025**

KANDUNGAN

PELAN STRATEGIK 2021-2025

1	Perutusan Yang Dipertua	6-7
2	Kata-Kata Aluan Pengerusi JK Pelan Strategik	8-9
3	Bab 1 : Pendahuluan	11
	a. Ringkasan Eksekutif	13-14
	b. Latar Belakang	15-16
	c. Sejarah Penubuhan MPM	17
	d. Punca Kuasa	19
	e. Fungsi dan Objektif	20-21
	f. Carta Organisasi	22
4	Bab 2 : Anugerah & Pencapaian 2016-2020	23-27
	• Keratan Akhbar	28
5	Bab 3 : Pelan Strategik 2021-2025	29
	a. Isu dan Cabaran	30
	b. Pihak Berkepentingan	31
	c. Dasar Kualiti	32
	d. Piagam Pelanggan / Objektif Kualiti	33-35
	e. Peta Strategik – <i>Visi & Misi, Strategi Objektif & Nilai</i>	36
6	Bab 4 : Jadual Pelan Tindakan	37
	• Strategi Objektif 1	38-43
	• Strategi Objektif 2	44-45
	• Strategi Objektif 3	46-53
	• Strategi Objektif 4	54-57
	• Strategi Objektif 5	58-59
7	Penutup & Penghargaan	60-62



MUAR
BANDAR MAHARANI
BANDAR DIRAJA

Perutusan

YANG DIPERTUA

Perutusan Yang DiPertua

*Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang,
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.*

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya Pelan Strategik Majlis Perbandaran Muar (MPM) dapat diterbitkan.

Pelan Strategik ini merupakan salah satu usaha berterusan MPM bagi merangka hala tuju dan strategi baharu bagi memacu tindakan yang tepat dan bersesuaian berhubung segala aspek pentadbiran MPM serta pembangunan di kawasan Muar. Ini secara langsung mengoptimumkan segala sumber yang dimiliki untuk digembleng dalam usaha menjadikan MPM organisasi yang cemerlang.

Melalui penyediaan Pelan Strategik ini, kita perlu peka dan sentiasa memantau pelaksanaan program dan aktiviti yang telah ditetapkan. Setiap fokus itu mempunyai kepelbagaian aktiviti dan tindakan yang perlu dilaksanakan bagi menghasilkan output dan impak keberhasilan yang signifikan. Justeru, Pelan Strategik 2021-2025 ini akan menjadi wadah dan menifestasi oleh warga kerja MPM terhadap ketersediaan menggalas tanggungjawab dan memberikan komitmen penuh dalam sistem penyampaian perkhidmatan.

Akhir kata saya menyeru seluruh warga kerja MPM agar kita sama-sama dapat menghayati setiap intipati yang terkandung dalam pelan strategik ini. Kita juga perlu memberikan komitmen penuh dengan menzahirkan setiap teras serta strategik yang telah dirancang bagi memacu MPM ke arah bandar yang berdaya tahan dan berdaya huni.

Sekian, terima kasih.

JAMIL HASNI BIN ABDULLAH
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Muar

Kata-Kata Aluan

.....
PENGERUSI JK PELAN STRATEGIK
.....

Kata-Kata Aluan Pengerusi Jk Pelan Strategik

*Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang,
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.*

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya Majlis Perbandaran Muar (MPM) dapat menyediakan dan seterusnya menyiapkan Pelan Strategik Majlis Perbandaran Muar 2021-2025 pada tahun ini. Pelan Strategik Majlis Perbandaran Muar 2021-2025 bertujuan untuk membantu pihak pengurusan serta kakitangan mendepani cabaran yang akan datang dalam menjalankan tugas masing-masing. Dokumen ini telah dihasilkan secara kolektif dan berpasukan oleh semua Ketua Jabatan dan turut melibatkan Ahli Majlis dalam menentukan hala tuju dan pelan strategik ke arah Muar Bandar Maharani Bandar Diraja, Bandar Berdaya Tahan dan Berdaya Huni.

Dengan adanya pelan ini, hala tuju organisasi pada jangka masa panjang akan dapat dilihat dalam skop yang lebih luas di mana pelan ini boleh dijadikan sumber rujukan didalam penyediaan perancangan kerja tahunan oleh setiap jabatan dalam Majlis Perbandaran Muar (MPM) serta semua kakitangan. MPM juga akan menilai semula dan mengemaskini Pelan Strategi sekurang-kurangnya sekali setahun bagi memastikan perancangan adalah selari dengan sasaran yang telah ditetapkan. Pemantauan akan diadakan secara berkala dan penambahbaikan dibuat pada setiap peringkat pelaksanaan supaya ia sentiasa berada di atas landasan yang betul.

Semoga dengan adanya dokumen ini sebagai penanda aras, diharap MPM akan terus maju dan berada dalam landasan yang tepat demi kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

AZMI BIN AHMAD

Setiausaha

Majlis Perbandaran Muar



MUAR

BANDAR MAHARANI

BANDAR DIRAJA



BAB 1

PENDAHULUAN

Ringkasan Eksekutif
Latar Belakang
Sejarah Penubuhan MPM
Punca Kuasa
Fungsi dan Objektif
Carta Organisasi

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Majlis Perbandaran Muar 2021-2025 adalah merupakan kesinambungan kepada Pelan Strategik Majlis Perbandaran Muar 2016-2020 yang lalu. Dokumen ini adalah merupakan rujukan utama kepada hala tuju MPM bagi tempoh lima (5) tahun akan datang dalam usaha mencipta dan membentuk budaya kerja cemerlang dan identiti organisasi terbilang. Beberapa strategi baharu telah ditambah selain menggunakan semula elemen-elemen lama yang masih relevan agar dapat memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan awam, kecekapan pengurusan pentadbiran dan menyediakan tadbir urus berintegriti tinggi. Penggubalan Pelan Strategik ini telah mengambil kira pandangan pegawai, anggota dan ahli majlis MPM semasa Bengkel Pembangunan Pelan Strategik yang telah dilaksanakan pada 14, 15 Mac 2021 dan 5, 6 April 2021.

Pelan Strategik ini mensasarkan Muar sebagai Bandar Maharani Bandar Diraja yang Berdaya Tahan dan Berdaya Huni. Bagi merealisasikan visi dan misi yang digariskan, lima (5) strategi objektif telah dikenalpasti iaitu

- Strategi Objektif 1 : Memantapkan tadbir urus secara cekap
- Strategi Objektif 2 : Memperkasa perkhidmatan perbandaran melalui perkhidmatan yang adil dan saksama
- Strategi Objektif 3 : Melaksana pembangunan secara terancang
- Strategi Objektif 4 : Kesejahteraan masyarakat secara holistik
- Strategi Objektif 5 : Mewujudkan persekitaran kondusif

Kejayaan pelaksanaan strategi objektif ini didokong melalui amalan empat (4) nilai-nilai bersama yang sentiasa diamalkan oleh seluruh warga kerja MPM iaitu mesra, unik, amanah, dan responsif. Pelan tindakan yang digariskan bagi menyokong setiap strategi objektif diharapkan dapat memantapkan perkhidmatan teras MPM sekaligus meningkatkan sistem penyampaian kepada pelanggan dalaman dan pelanggan luaran.

LATAR BELAKANG AGENSI

Sejarah Muar

Sejarah Muar

Daerah Muar terletak di Barat Daya Negeri Johor yang bersempadan dengan Daerah Tangkak . Muar mempunyai pelbagai tarikan pelancongan seperti tempat-tempat bersejarah, sajian makanan yang istimewa dan seni budaya yang mengasyikkan.

Menurut sesetengah sejarah, Muar telah mula dikesan seawal tahun 400 S.M oleh orang-orang Hindu Purba (Dravidians). Adalah dipercayai asal usul nama Muar dalam sejarah silam diambil sempena nama Sungai Muar. Perkataan Muar berasal daripada perkataan Melayu Sunda 'Muara' yang bermaksud kuala sungai yang membuka atau meneluk luas. Ada juga yang mengaitkan dengan perkataan hindu 'Muaaru' yang bermaksud tiga batang anak sungai. Terdapat juga sejarah menyatakan bahawa dinamakan sempena nama sebuah negeri besar di selataan India pada zaman purba yang dinamakan 'Munu' (tiga), 'Ar' (Sungai) atau 'Munar' yang bermaksud 'Negeri Tiga Sungai' oleh pencari emas dari India. Muar juga dikatakan mungkin berasal dari perkataan Benggali 'Murthu-aa' yang bermaksud berbelit-belit dan perkataan Hindi 'Mucar' atau 'Mocar' yang bermaksud berbelit-belit atau berliku-liku. Tidak kurang juga yang mendakwa Muar berasal dari perkataan Melayu 'Muak' yang bermaksud jemu kerana keadaan pantainya yang rata dan tidak mempunyai bukit telah menjemukan pelayar-pelayar yang melintasinya.

Nama Muar sering disebut sebagai Teluk Dalam di dalam Hikayat Melayu Tradisi seperti Hikayat Malim Demam. Nama Muar juga telah tercatat dalam kitab babad Jawa, Nagara Kretagama yang telah dikarang oleh Parapancha dalam tahun 1365. Selain itu, Tun Sri Lanang mengisahkan dalam Kitab Sejarah Melayu (*versi Shellabear*) bahawa sewaktu Singapura (Temasik) diserang oleh Majapahit, Baginda Raja Iskandar Shah (Parameswara) telah lari dan menetap di satu kawasan di Muar yang dikenali sebagai Biawak Busuk. Ini kerana di tempat tersebut terlalu banyak biawak, walaupun banyak dibunuh, tidak juga berkurangan sehingga menimbulkan bau yang amat busuk. Kemudian Baginda pun berpindah ke suatu tempat lain untuk mendirikan kota. Kota itu kononnya menjadi buruk menjelang malam, lalu tempat itu pun dinamakan Kota Buruk. Bekas-bekas lama peninggalan sejarah ini masih terdapat hingga ke hari ini.

Menurut Barros (1553), Tom Pires (Suma Oriental), Ortelius (1548) dan Linschoten (1595) merupakan Bandar yang berhampiran dengan Negeri Melaka dan mula dikesan dari zaman Kesultanan Melayu Melaka, dan dikatakan Parameswara telah tinggal di Muar selama 6 tahun sebelum baginda membuka Melaka bersama-sama 1000 orang pengikutnya. Muar juga sering disebut sebagai Teluk Dalam di dalam Hikayat Melayu Tradisi sebagai Hikayat Malim Demam. Menurut sejarah juga Sebuah banteng/ kubu berbentuk segi tiga yang dinamakan Fortaleza De Muar yang telah didirikan oleh Protugis untuk menahan serangan Belanda dan Aceh di sungai Bentayan. Kubu ini bertahan selama dua peperangan dalam tahun 1615 dan 1616.



BANDAR MAHARANI

BANDAR DIRAJA

Sejarah Muar

Sejarah Muar moden telah mencatatkan bahawa Bandar Muar telah dibuka dengan rasminya oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sir Sultan Abu Bakar, sultan bagi Negeri Johor dan Jajahan Takluknya. Pada tahun 1884, satu upacara menanam azimat dan menamakan Bandar Muar sebagai “Bandar Maharani” bersempena nama Pemaisuri. Maharani adalah berasal daripada perkataan “Maha” dan “Rani” iaitu perkataan Hindu tua yang bermaksud Raja Perempuan. Upacara tersebut telah diadakan di Tangga Batu yang terletak di pinggir muara Sungai Muar menghadap ke Selat Melaka. Bandar Muar merupakan hadiah ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sir Sultan Abu Bakar kepada Pemaisuri Baginda.

Sehingga tahun 1860 an, sungai Muar mejadi perhubungan utama di antara Muar dengan kawasan-kawasan lain. Perkhidmatan perahu tambang dan beberapa feri besar yang dikendalikan oleh Syarikat Penambang Muar/Batu Pahat. Walau bagaimanapun perkhidmatan feri tersebut ditamatkan pada 15 April 1967 dengan terbinanya jambatan yang merentasi Sungai Muar yang dinamakan Jambatan Sultan Ismail. Sekitar tahun 1888 kerja-kerja pembinaan jalan kereta api di Muar telah dimulakan dan telah dirasmikan pada 13 September 1888 oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. 2 buah stesen utama adalah di Stesen Bandar Maharani dan Stesen Parit Jawa dan perkhidmatan Muar State Railway telah mula beroperasi sekitar tahun 1890.

Selepas 100 tahun upacara tersebut, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibn Almarhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang Dipertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta’zim telah bertitah memaklumkan Bandar Muar (Bandar Maharani) menjadi Bandar Diraja pada 05 Februari 2012 bersempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Johor di Masjid Sultan Ibrahim, Muar dan Majlis Pengisytiharan Bandar Maharani Bandar Diraja telah diadakan pada 24 November 2012 bertempat di Dataran Tanjung Emas, dimana Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor telah berkenaan untuk menanam watikah berkaitan Bandar Maharani Bandar Diraja di dalam kapsul masa yang hanya akan dibuka selepas 100 tahun akan datang.

Sejarah

PENUBUHAN MPM



Pada mulanya Bandar ini telah ditadbir oleh seorang Pesuruhjaya yang dipanggil Residen. Di antara tahun 1903 dan 1910, Bandar Maharani hanya mempunyai satu badan yang dinamakan "Jemaah Kesihatan" yang juga dikenali sebagai *Sanitary Board*." (*Pelan Warta J.C.G. No.2 bertarikh 17.9.1910*). Namun demikian, badan ini tidak mempunyai undang-undang atau peraturan-peraturan bertulis "*enactments*" atau "*by-laws*" melainkan bertindak semata-mata mengikut apa yang dianggap elok dilakukan oleh anggota-anggotanya. Dengan kata lain, sebelum 1903, penduduk-penduduk Bandar ini hidup bebas tanpa sebarang peraturan negeri yang harus dipatuhi.

Bilangan pegawai-pegawai dan kakitangan "*Town Board*" itu pada mulanya hanya mengandungi Yang Dipertua, dua orang kerani dan enam orang Merinyu Bandaran yang lebih dikenali dengan panggilan "*Town Board Inspectors*". Setelah Bandar ini bertambah maju, pegawai-pegawainya yang berkelayakan telah ditambah lagi bilangannya. Pada tahun 1917, seorang Pegawai Pemeriksa Bangunan (*Building Inspector*) dan seorang Pemeriksa Kesihatan (*Sanitary Inspector*) telah diambil bertugas.

Kerja-kerja majlis di peringkat awalnya amatlah rumit. Penduduk-penduduknya belum pernah lagi tertakluk di bawah perintah mengikut Undang-Undang Majlis yang tertentu. Oleh yang demikian, di peringkat awalnya hampir setiap langkah "*Town Board*" yang bertujuan untuk kebajikan mereka sendiri telah ditentang oleh orang ramai melalui surat-surat petisyen. Dalam keadaan sedemikian, undang-undang tidak dapatlah berjalan dengan licin dan menepati masa. Majlis telah mengambil masa yang lama untuk memujuk penduduk-penduduk Bandar ini menggunakan "*tandas angkat*" atau "*sanitary arrangements*" bagi kepentingan kesihatan

Dengan adanya Enakmen Lembaga Bandaran Johor, 1911 (*Gazette No.515 bertarikh 6.8.1930*) maka dalam tahun 1921, wujudlah apa yang dinamakan "*Town Board*" di Bandar Muar ini dengan keanggotaan terdiri daripada Dato' Pesuruhjaya Kerajaan sebagai yang Dipertua (Presiden), Jurutera Jabatan Kerja Raya, Pegawai Perubatan dan dua orang anggota cina tidak rasmi yang kesemuanya dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Presiden dengan pelantikan ini, Yang Dipertua diberi kuasa yang lebih dan fungsi yang lebih meluas. Pada tahun 1935, anggota-anggota "*Town Board*" itu telah ditambah lagi dengan Pegawai-Pegawai Kerajaan iaitu Penolong Penyelia Jabatan Ukur, Penolong Pelindung Orang-Orang Cina, dua orang keturunan Eropah tidak rasmi, seorang lagi tambahan anggota cina tidak rasmi dan seorang anggota dari kaum ceti tidak rasmi.

Walau bagaimanapun, berikutan dengan penubuhan Pejabat Kesihatan pada tahun 1924, semua *Sanitary Inspector* telah diletakkan dibawah pentadbiran Pegawai Kesihatan (*Health Officer Muar*). Di antara tahun 1925 dan 1927, seorang Ketua Pemeriksaan Kesihatan (*Chief Sanitary Inspector*) dan dua orang *Sanitary Inspector* lagi telah dilantik. Pada tahun 1935, Enakmen Lembaga Bandaran No.118 telah diadakan untuk menggantikan Enakmen Lembaga Bandaran, 1921. Status "*Town Board*" wujud hingga tahun 1952.

Pada 24 Oktober 1950, setelah "*The Local Authorities Ordinance, 1950*" diluluskan di bawah seksyen 51 (1), Raja yang memerintah boleh mengeluarkan arahan "*that the whole or majority of the members of a Town Board be elected*", maka dengan perintah Sultan dan sebagaimana yang diwartakan dalam Warta Kerajaan Johor bertarikh 6 Mac 1952 (Khamis), wujudlah Perlembagaan Majlis Bandaran Bandar Maharani (*Constitution of The Town of Bandar Maharani*). [L.N.No.55 bertarikh 23.4.1953; L.N (N.S) 27 bertarikh 17.10.1957 dan J.C.G. 68/996 bertarikh 15.12.1966]

Setelah itu, Ahli-ahli Majlis Bandaran (*Town Councillors*) adalah sejumlah besarnya dipilih dalam Pilihanraya mengikut "*Local Authorities Ordinance, 1950*" sehingga ianya (Pilihanraya untuk Kuasa-kuasa Tempatan) digantung pada tahun 1965. Walau bagaimanapun, di Majlis Bandaran Bandar Maharani masih juga berkuat kuasa sehingga 31 Julai 1976 dengan dianggotai oleh Ahli-ahli Mesyuarat yang akhir sekali terpilih seramai 7 orang dan dilantik oleh Kerajaan Negeri pada 1 Februari 1973 seramai 5 orang.

Dalam masa yang sama dan berpandukan kepada '*The Local Authorities Ordinances, 1950*' telah wujud juga Majlis-Majlis Tempatan Parit Jawa, Bukit Bakri, Bukit Pasir, Panchor, Lenga dan Bukit Kepong. Tadbiran Majlis-Majlis Tempatan ini berjalan sehingga 31 Julai 1976 apabila mulai 1 Ogos 1976 ianya disatukan di bawah tadbiran Majlis Daerah Muar Selatan.

Dengan kelulusan pemakaian Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-Peruntukan Sementara), 1973 (Akta 124) oleh Pihak Berkuasa Negeri mengikut Warta Kerajaan Johor Bi.1014 bertarikh 18 Disember 1975 sebagaimana perintah yang telah dikeluarkan mengikut J.P.U. 18 bertarikh 29 Julai 1976, maka mulai 1 Ogos 1976 wujudlah Majlis Daerah Muar Selatan (MDMS). Ahli-ahli Lembaga Pengurus Majlis Daerah ini terdiri daripada 24 orang, mengandungi Pegawai Daerah Muar sebagai pengerusi, 20 ahli yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan 3 orang ahli Ex-Officio yang terdiri dari Pemungut Hasil Tanah Muar, Jurutera Kerja Kanan Jabatan Kerja Raya, Muar dan Pegawai Kesihatan Muar.

Kawasan tadbiran MDMS merangkumi satu (1) Majlis Bandaran iaitu Majlis Bandaran Bandar Maharani, dan tujuh (7) Majlis Tempatan iaitu Majlis-majlis Tempatan Parit Jawa, Bukit Bakri, Bukit Pasir, Panchor, Pagoh, Lenga dan Bukit Kepong serta kawasan-kawasan 40 rantai di kiri kanan jalan-jalan raya yang menghubungkan pekan-pekan tadi, menjadikan luas kawasan tadbiran lebih kurang 353 kilometer persegi.

Setelah melalui proses perkembangan yang pesat, MDMS telah dinaik taraf kepada Majlis Perbandaran Muar (MPM) berkuat kuasa mulai 1 Januari 2001 dimana acara kemuncaknya telah diadakan pada 14 April 2001 termasuk upacara merasmikan Tugu Peringatan Perbandaran oleh Y.A.B. Menteri Besar Johor, Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman. Upacara bersejarah ini turut dihadiri oleh pembesar-pembesar negara dan orang-orang kenamaan dengan disaksikan oleh ribuan warga Perbandaran Muar.

Pada umumnya, Majlis Perbandaran Muar selaku Pihak Berkuasa Tempatan merupakan sebuah Pertubuhan Perbadanan yang ditubuhkan oleh Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) sebagai satu badan yang bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir kawasan Bandar Muar berasaskan kepentingan tempatan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), MPM diberi kuasa secara langsung oleh Undang-undang untuk merangka dan melaksanakan dasar-dasar perancangan pembangunan berasaskan lokaliti setempat bersesuaian dengan dasar yang ditetapkan oleh kerajaan.

Kini kawasan sempadan Majlis meliputi kawasan seluas 1,392.58 km persegi dengan bilangan penduduk berjumlah lebih 281,500 orang. MPM akan terus berusaha untuk menjadikan Bandar ini sebagai sebuah Perbandaran yang berdaya tahan dan berdaya huni.

PUNCA KUASA



UNDANG-UNDANG KECIL

1. **Bangunan Seragam 1986**
2. **Taman (Majlis Daerah Muar Selatan) 1987**
3. **Pelesenan Anjing (Majlis Daerah Muar Selatan) 1991**
4. **Haiwan Merayau (Majlis Daerah Muar Selatan) 1995**
5. **Tanah (MDMS) 1995**
6. **Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Perbandaran Muar (Pindaan) 2010**
7. **Vandalisme (Majlis Perbandaran Muar) 2011**
8. **Mencegah Kekotoran (Majlis Perbandaran Muar) (Pindaan) 2011**
9. **Mengkompaun Kesalahan - Kesalahan Jalan, Parit Dan Bangunan (Majlis Perbandaran Muar) 2011**
10. **Mengkompaun Kesalahan - Kesalahan Kerajaan Tempatan (Majlis Perbandaran Muar) 2011**
11. **Penjaja (Majlis Perbandaran Muar) 2011**
12. **Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Majlis Perbandaran Muar) 2011**
13. **Kedai Gunting Rambut Dan Pemandan Rambut (Majlis Perbandaran Muar) 2011**
14. **Pengawalan Dan Pengawasan Tempat - Tempat Makan (Majlis Perbandaran Muar) 2011**
15. **Pengendali Makanan (Majlis Perbandaran Muar) 2011**
16. **Pasar Awam Dan Persendirian (Majlis Perbandaran Muar) 2011**
17. **Pasar Malam / Sehari (Majlis Perbandaran Muar) 2011**
18. **Pelesenan Iklan (Majlis Perbandaran Muar) 2011**
19. **Tandas Awam (Majlis Perbandaran Muar) 2017**
20. **Iklan Pilihanraya (Majlis Perbandaran Muar) (Pindaan) 2018**
21. **Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Muar) 2018**

FUNGSI DAN OBJEKTIF MPM

FUNGSI MPM

Memberi perkhidmatan perbandaran kepada masyarakat di kawasan pentadbiran MPM merangkumi perkara-perkara berikut;


**Kawalan
Pembangunan** 1


**Kawalan
Perniagaan** 2


**Pengurusan
Cukai
Taksiran** 3


**Pengurusan
Sumber
Kewangan** 4


**Penyediaan Dan
Penyelenggaraan
Infrastruktur
Serta Kemudahan
Awam** 5



**Pengurusan
Sisa Pepejal
Dan
Pembersihan
Awam** 6


**Program
Kemasyarakatan** 7

FUNGSI DAN OBJEKTIF **MPM**



CARTA ORGANISASI





BAB
2

ANUGERAH DAN
PENCAPAIAN
2016-2020



ANUGERAH DAN PENCAPAIAN 2016-2020



1. Anugerah Bandar Pelancongan Bersih Asean 2018-2020



Upacara penyampaian anugerah telah disempurnakan pada 26 Januari 2018 di Chiang Mai Thailand bersempena Asean Tourism Forum 2018 dengan tema (*Asean Sustainable Connectivity, Boundless Prosperity*).

2. Malaysian Book of Records - Transformasi Lorong Belakang 2018

PBT pertama menyediakan *Augmented Reality* (AR) penceritaan di lorong-lorong belakang.







3. MyPLACE AWARDS NIGHT 2019

Program keindahan Bandar Muar



4. MEMBERSHIP GLOBAL COVENANT OF MAYORS FOR CLIMATE & ENERGY 2019

Penyertaan sebagai ahli di dalam *Global Covenant Of Mayors For Climate & Energy*





5. Anugerah Bandar Mampan

Pencapaian Status Mampan Program Pengukuran Bandar Mampan Malaysia Melalui MURNInets 2.0 sempena Hari Perancang Bandar Sedunia, Muar diiktiraf Bandar Mampan pada tahun 2018,2019 dan 2020.



6. Pengiktirafan Sijil Bersih Penyata Kewangan MPM 2016-2019



7. Anugerah Kecemerlangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS 2018



8. Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2018



9. Mendapat Pensijilan ISO 9001 : 2015



KERATAN AKHBAR

...perwakilan yang telah dipilih...

...saya tak boleh rasa tidak ada...

RM300j majukan Bandar Diraja

Muar Kerajaan Persekutuan menyuntikkan sebanyak RM300 juta bagi projek pembangunan dan pengalihan bandar ini sesuai dengan statusnya sebagai Bandar Maharaja.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin, berkata projek yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima hingga 10 tahun itu memberi wajah baharu kepada bandar itu dengan turut menambak baik presara di kawasan terbahat. Katanya, antara projek yang sudah dilakukan ialah membina pingat gerbang, papan tanda jalan dan kemudahan awam untuk kesejahteraan penduduk dan pengunjug di daerah ini.

Tarif pencahayaian Kita sudah mencantumkan kawasan ini terutama dari segi landskap dan menaikkan tarif pencahayaian sedia ada. Semua ini membolehkan kos sebanyak RM5 juta.

"Untuk rancangan jangka panjang pula, kita turut lancarkan Rancangan Kawasani Khas (RKK) Bandar Maharaja Bandar Diraja yang menjadi dasar merancang tindakan dan juga pindaan serta rujukan kepada Skema Perbandaran Muar (MPM) dalam merencanakan hala tuju bandar ini ke depan," katanya.

Nordin berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Puhlili dan Pehyrtaan Awam serta Perancangan Kawasani Khas Bandar Maharaja Bandar Diraja dan Pelancaran Bangunan Baharu MPM, di Dewan Juitan Sultan Ibrahim di sini, semalam.

MPM jadi contoh PASIR GUDANG

Muara Perbandaran Muar (MPM) iaitu gadi perwujudan asas kepada lecer pembangunan pelak berkesan teraguan (DPT) telah megi ini sebagai model bandar yang baik bandar berkesan perwujudan kelangkaan baru-baru ini.

Pengurus Jawatankuasa Perbandaran Muar (JPM) Teraguan Baharu, **Abdul Latif Berdik** berkata, usaha itu sebagai langkah awal meraguan DPT dan meraguan Jawatankuasa Perbandaran Muar (JPM) Teraguan Baharu. Beliau berkata, usaha ini sebagai langkah awal meraguan DPT dan meraguan Jawatankuasa Perbandaran Muar (JPM) Teraguan Baharu.

...saya tak boleh rasa tidak ada...

Perisytiharan ubah wajah 'bandar pencen'

Keumikan mokrani tarikan pelancong kunjung Muar

Muar akan berhadapan dengan perubahan wajah bandar yang baharu. Muar akan berhadapan dengan perubahan wajah bandar yang baharu. Muar akan berhadapan dengan perubahan wajah bandar yang baharu.

...saya tak boleh rasa tidak ada...

Bandar Diraja Johor dihias indah

Muar akan berhadapan dengan perubahan wajah bandar yang baharu. Muar akan berhadapan dengan perubahan wajah bandar yang baharu. Muar akan berhadapan dengan perubahan wajah bandar yang baharu.

...saya tak boleh rasa tidak ada...

Nafas baru Muar

Projek Uptown di Jalan Sisi dijangka cenakan pusat bandar pada waktu malam

MUAR Perakanaan projek Uptown Muar di sepanjang Jalan Sisi di sini, dijangka mampu mencernakan pusat bandar ini pada waktu malam, berikutan ketidadaan aktiviti manjadian sebagai bandar mati/riak lelih lima tahun lalu.

...saya tak boleh rasa tidak ada...

NAIK TANAF, projek menaik taraf tapak perniagaan Uptown Muar di Jalan Sisi dalam pembinaan.




BAB 3


PELAN
STRATEGIK
2021-2025



ISU DAN CABARAN



PIHAK BERKEPENTINGAN



PENYATAAN DASAR KUALITI MPM



PIAGAM PELANGGAN

Majlis Perbandaran Muar dengan ini memberi komitmen bahawa:

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN	
1. Memastikan pengambilan anggota baharu tidak melebihi tempoh dari kebenaran pengisian oleh pihak pengurusan.	6 bulan
JABATAN KEWANGAN	
1. Memproses semua tuntutan bayaran yang lengkap	14 hari bekerja
2. Serahan Bil Tuntutan Cukai Harta kepada pembayar sebelum 15hb setiap bulan Januari dan Julai setiap tahun.	
JABATAN KEJURUTERAAN	
1. Kelulusan Pelan Kerja Tanah / Jalan dan Perparitan	30 hari bekerja
2. Kelulusan Pelan Kerja Tanah Kecil	14 hari bekerja
3. Kelulusan Permohonan Lampu Awam Baru serta Tambahan Lampu	30 hari bekerja
JABATAN BANGUNAN	
1. Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan mengikut ketetapan ISO 9001:2015	92 hari bekerja
2. Permohonan Pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki	14 hari bekerja
3. Permohonan Kelulusan Pelan Struktur	14 hari bekerja
4. Permohonan Kelulusan Pelan Pindaan Lulus	14 hari bekerja
5. Permohonan Kelulusan Permit Struktur Sementara	14 hari bekerja
6. Permohonan Kelulusan Permit Sementara / Bangunan Sementara	14 hari bekerja
7. Permohonan Kelulusan Bangunan Tambahan	14 hari bekerja
8. Permohonan Kelulusan Pembaikan Kecil Bangunan	14 hari bekerja
9. Permohonan Pengeluaran Wang Deposit	7 hari bekerja
JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT DAN KEMASYARAKATAN	
1. Pengurusan aduan mengikut klasifikasi	
- Mudah	3 hari bekerja
- Sederhana	7 hari bekerja
- Kritikal	7 hari bekerja

PIAGAM PELANGGAN

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA	
1. Memastikan semua pegangan yang dikenakan Cukai Harta dikuatkuasakan selepas diluluskan Mesyuarat Jawatankuasa MPM	3 bulan
2. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, ke atas Bangunan Baru mengikut prosedur ISO 9001:2015	46 hari bekerja
3. Memastikan semua bantahan Cukai Harta disiasat dan diselesaikan	30 hari bekerja
4. Memproses permohonan pindah milik mengikut prosedur ISO 9001:2015	5 hari bekerja
5. Permohonan Carian Maklumat	14 hari bekerja
JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN DAN LANSKAP	
1. Permohonan pembangunan tanah, kebenaran merancang, pindaan kebenaran merancang, pelan lanskap dan pelan-pelan lain yang berkaitan cadangan pemajuan	14 hari bekerja
2. Permohonan Kebenaran Merancang Terhadap	14 hari bekerja
3. Permohonan Nama Pembangunan / Nama Taman / Nama Jalan	14 hari bekerja
4. Permohonan pelanjutan Kebenaran Merancang	7 hari bekerja
JABATAN PENGUATKUASAAN	
1. Kelulusan Pemasangan Bangsal Sementara (Khemah)	1 – 3 hari bekerja
2. Kelulusan permohonan Rezab Parkir	3 hari bekerja
3. Kelulusan permohonan Agen Kupon	1-3 hari bekerja
JABATAN KESIHATAN DAN PELESENAN	
1. Proses permohonan Lesen Perniagaan dan Iklan	24 jam
2. Kelulusan Permohonan Lesen Anjing	30 minit
UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)	
1. Pemakluman awal keputusan Mesyuarat OSC dikeluarkan kepada pemohon selepas mesyuarat bersidang	3 hari bekerja

PIAGAM PELANGGAN

UNIT PEROLEHAN DAN PENGURUSAN KONTRAK	
1. Pengurusan tatacara perolehan dari tarikh iklan sehingga Surat Setuju Terima dikeluarkan	90 hari bekerja
2. Mengeluarkan Surat Setuju Terima selepas kelulusan Jawatankuasa Sebut harga / Lembaga Tender	14 hari bekerja
3. Pengurusan tatacara perolehan bekalan dan perkhidmatan secara Pesanan Kerajaan (LO) selepas notis perolehan lengkap dan diluluskan	14 hari bekerja
4. Penyediaan dokumen kontrak selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan	4 bulan
UNIT UNDANG - UNDANG	
1. Semakan dokumen perjanjian di antara pihak Majlis dan orang perseorangan, syarikat atau agensi kerajaan	90 hari bekerja



PETA PELAN TINDAKAN

2021-2025

**Muar Bandar Maharani
Bandar Diraja**
Ke Arah Bandar Berdaya
Tahan dan Berdaya Huni

VISI

MISI

Merealisasikan Tadbir Urus
Perkhidmatan Perbandaran
Secara Efektif dan Efisien

OBJEKTIF
STRATEGI

Memantapkan
tadbir urus
secara
cekap dan
berkesan

Memperkasa
perkhidmatan
perbandaran
melalui
perkhidmatan
yang adil dan
saksama

Melaksana
pembangunan
secara
terancang

Kesejahteraan
masyarakat
secara
holistik

Mewujudkan
persekitaran
kondusif

NILAI

Mesra, Unik, Amanah, Responsif

JADUAL PELAN TINDAKAN 2021-2025

BAB 4

- Strategi Objektif 1
- Strategi Objektif 2
- Strategi Objektif 3
- Strategi Objektif 4
- Strategi Objektif 5

JADUAL PELAN TINDAKAN

STRATEGI
OBJEKTIF

1

Memantapkan Tadbir
Urus Secara Cekap
Dan Berkesan

1 STRATEGI OBJEKTIF

Memantapkan Tadbir Urus Secara Cekap Dan Berkesan

Strategi	Program / Inisiatif	Sasaran / Pencapaian / Peratus / Kuantiti					Bajet (Tahunan) RM
		2021	2022	2023	2024	2025	
Mengekalkan Pengurusan Berkualiti	Pensijilan ISO 9001: 2015	0 NCR	0 NCR	0 NCR	0 NCR	0 NCR	30,000.00
	Mewujud dan Mengekal Pensijilan EKSA (Pengekalan Sijil 2 tahun sekali)	20%	50%	100%	100%	100%	30,000.00
	SPB-PBT Mengekal Penarafan 5 Bintang	100%	100%	100%	100%	100%	10,000.00
	Integriti Tiada Kes	0	0	0	0	0	5,000.00
	Pengekal Penarafan 5 Bintang HRMIS	100%	100%	100%	100%	100%	5,000.00
	Kajian Semula Pelan Strategik MPM 2021-2025	2	2	2	2	2	15,000.00



Memantapkan Tadbir Urus Secara Cekap Dan Berkesan

Strategi	Program / Inisiatif	Sasaran / Pencapaian / Peratus / Kuantiti					Bajet (Tahunan) RM
		2021	2022	2023	2024	2025	
Mengekalkan Pengurusan Berkualiti	Mengekal Sijil Bersih Penyata Kewangan	100%	100%	100%	100%	100%	30,000.00
Memperkukuh Dan Meningkatkan Budaya Inovasi	Penubuhan Kik	1	1	1	1	1	5,000.00
	Penyertaan Kik Peringkat Wilayah	1	1	1	1	1	20,000.00
Memperkasa Pengurusan Sumber Manusia	Pengembangan Kerjaya (Melanjut Pelajaran)	1	1	1	1	1	Tiada
	Penstrukturan Semula Jabatan	50%	100%	0	0	0	1,000.00
	Kehadiran Bertugas	100%	100%	100%	100%	100%	Tiada
Peningkatan Hasil	Pengurangan Tunggakan Cukai Harta	50%	50%	50%	50%	50%	Tiada
	Kutipan Cukai Semasa	90%	90%	90%	92%	95%	30,000.00
	Rezab Tunai Yang Mencukupi	100%	100%	100%	100%	100%	Tiada
	Pelaburan Kumpulan Wang Majlis	50%	50%	50%	50%	50%	Tiada

Memantapkan Tadbir Urus Secara Cekap Dan Berkesan

Strategi	Program / Inisiatif	Sasaran / Pencapaian / Peratus / Kuantiti					Bajet (Tahunan) RM
		2021	2022	2023	2024	2025	
Peningkatan Hasil	Pulangan Hasil Pelaburan	3%	3%	3%	3%	3%	Tiada
	Pengurangan Tunggakkan Kompaun (Bil.kompaun / Tahun)	50%	50%	50%	50%	50%	45,000.00
	Mengenal Pasti Kes-Kes Untuk Pendakwaan (Bilangan Kes)	30	28	25	23	20	Tiada
	Kenaikan Hasil Lesen Mengikut Kadar Baharu		20%	25%	30%	35%	Tiada
	Out Reach Program (Melesenkan peniaga yang layak)	2%	2%	2%	2%	2%	10,000.00
	Pembuatan Em Dan Mud Ball			10%	15%	20%	30,000.00
	Program Baja Kompos - Penghasilan Dan Penggunaan			10%	15%	20%	152,000.00



Memantapkan Tadbir Urus Secara Cekap Dan Berkesan

Strategi	Program / Inisiatif	Sasaran / Pencapaian / Peratus / Kuantiti					Bajet (Tahunan) RM
		2021	2022	2023	2024	2025	
Peningkatan Hasil	Melaksanakan Penilaian Am Semula pada tahun 2022 dan cadangan dilaksanakan kuatkuasa Cukai Harta pada tahun 2023.	10%	80%	100%			2.5 juta
	Meningkatkan hasil Cukai Harta MPM sekurang- kurangnya 20-25%.				20%	25%	
	Pengurangan Tunggakan Sewaan Sehingga 2020	20%	25%	30%	35%	40%	
Pemeriksaan Dan Penguatkuasaan Undang-Undang	Semakan Undang-Undang Kecil	100%	100%	100%	100%	100%	5,000.00
	Kajian Keperluan Undang-Undang Baharu	1	1	1	1	1	5,000.00
	Pelaksanaan dan Pematuhan Akta 171, Akta 172, Akta 133 dan Undang-Undang Kecil	1	1	1	1	1	5,000.00
	Pendakwaan di Mahkamah	30	28	25	23	20	Tiada

Memantapkan Tadbir Urus Secara Cekap Dan Berkesan

Strategi	Program / Inisiatif	Sasaran / Pencapaian / Peratus / Kuantiti					Bajet (Tahunan) RM
		2021	2022	2023	2024	2025	
Memantapkan Pematuhan Terhadap Pekeliling Dan Prosedur Pengurusan Kewangan	Pelaksanaan Program Audit Dalam	5	5	5	5	5	5,000.00
	Perkakasan (<i>Hardware</i>)						
Memantap Tadbir Urus Perkhidmatan Perbandaran Secara Cekap Dan Berkesan	Naiktaraf Rangkaian -Pekan Rabu (<i>Unifi</i>)	100%	-	-	-	-	20,000.00
	Menaiktaraf <i>firewall</i>	100%					30,000.00
	Naiktaraf Komputer (Tahunan)	20	20	20	20	20	70,000.00
	Perisian (<i>Software</i>)						
	Sistem e-perolehan	20%	100%	-	-	-	250,000.00
	Sistem ePBT 3.0	50%	100%	-	-	-	196,000.00
	Perkhidmatan Bayaran Online **	50%	100%	100%	100%	100%	200,000.00
	Penyelarasan PBTPay/ Gerbang Johor	50%	100%	-	-	-	20,000.00
	Kursus berkenaan ePBT dan <i>Online</i>	50%	100%	100%	100%	100%	200,000.00
	Keselamatan (<i>Security</i>)						
	CCTV Bangunan Pejabat	8	8	8	8	8	120,000.00
	Kempen Digital	1	1	1	1	1	5,000.00
Penjimatan Perbelanjaan	Penjimatan Kadar Elektrik Tiang Lampu (5%)	5%	10%	15%	20%	25%	250,000.00



JADUAL PELAN TINDAKAN

STRATEGI
OBJEKTIF

2

Memperkasa
Perkhidmatan Perbandaran
Secara Adil Dan Saksama

2 STRATEGI OBJEKTIF

Memperkasa Perkhidmatan Perbandaran Secara Adil Dan Saksama

Strategi	Program / Inisiatif	Sasaran / Pencapaian / Peratus / Kuantiti					Bajet (Tahunan) RM
		2021	2022	2023	2024	2025	
Meningkatkan Imej MPM	Kajian Persepsi Maklumbalas Pelanggan	80%	80%	80%	80%	80%	5,000.00
	Meningkatkan Jumlah Pengikut Di Media Sosial						
	1. Facebook	1%	1%	1%	1%	1%	5,000.00
	2. Instagram	0.5%	0.5%	0.5%	0.5%	0.5%	5,000.00
Kebersihan Persekitaran	Mewujudkan Tandas Awam Lima Bintang	1	1	1	1	1	150,000.00
	Penyertaan Dalam Anugerah Tandas Bersih	3	3	3	3	3	30,000.00
	Pengredan Premis Makanan Gred A (2000 Premis Sedia Ada)	10%	10%	10%	10%	10%	30,000.00



JADUAL PELAN TINDAKAN
STRATEGI
OBJEKTIF

3

Melaksana
Pembangunan
Secara Terancang

3 STRATEGI OBJEKTIF

Melaksana Pembangunan Secara Terancang

Strategi	Program / Inisiatif	Sasaran / Pencapaian / Peratus / Kuantiti					Bajet (Tahunan) RM
		2021	2022	2023	2024	2025	
Pemutihan Pembinaan Bangunan Tanpa Kebenaran (Bangunan Sementara/ Tambahan Bangunan Kediaman)	Pemutihan	20%	40%	60%	80%	100%	TIADA
	Penguatkuasaan	20%	40%	60%	80%	100%	TIADA
Pemeliharaan Bangunan Warisan	Pemulihan	20%	40%	60%	80%	100%	TIADA
	Pemeliharaan	20%	40%	60%	80%	100%	TIADA
	Pembugaran	20%	0.40	0.60	80%	100%	TIADA
Pelaksanaan Pelan Tindakan Iklim Muar 2030	Matlamat adaptasi Mengurangkan kerosakan harta benda disebabkan banjir sebanyak 50% pada 2030 berbanding 2017	10%	20%	30%	40%	50%	TIADA
	Mengurangkan kebakaran hutan akibat perbuatan manusia sebanyak 30% pada 2030 berbanding 2017	10%	20%	30%	40%	50%	TIADA



Melaksana Pembangunan Secara Terancang

Strategi	Program / Inisiatif	Sasaran / Pencapaian / Peratus / Kuantiti					Bajet (Tahunan) RM
		2021	2022	2023	2024	2025	
Pelaksanaan Pelan Tindakan Iklim Muar 2030	Mengurangkan kes penyakit denggi sebanyak 50% pada 2030 berbanding 2017	10%	20%	30%	40%	50%	TIADA
Melaksanakan Inisiatif Komuniti Berkarbon Rendah	Pelaksanaan 20 amalan Inisiatif komuniti berkarbon rendah	20%	40%	60%	80%	100%	TIADA
Projek Pembinaan Baharu Dan Naiktaraf	Pembinaan Baharu Gerai Makanan	1	1	1	1	1	500,000.00
	Naiktaraf Gerai	3	3	3	3	3	500,000.00
	Kemudahan Awam (Dewan)	1	1	1	1	1	100,000.00
	Kemudahan Awam (Tandas)	1	1	1	1	1	50,000.00
	Kemudahan Awam (Pasar)	1	1	1	1	1	200,000.00
Melaksanakan Pembangunan Secara Terancang	Kajian Banjir dan Inventori dalam Bandar maharani, Muar	10%	100%	-	-	-	500,000.00



Melaksana Pembangunan Secara Terancang

Strategi	Program / Inisiatif	Sasaran / Pencapaian / Peratus / Kuantiti					Bajet (Tahunan) RM
		2021	2022	2023	2024	2025	
Melaksanakan Pembangunan Secara Terancang	Cadangan Taman Awam 'French Garden' di Tg. Emas, Muar	1%	3%	5%	10%	100%	2,000,000.00
	Menaiktaraf lorong belakang serta kerja-kerja berkaitan di Jln Abdullah, Muar	10%	100%	-	-	-	600,000.00
	Menaiktaraf lorong belakang serta kerja-kerja berkaitan di Jln Ibrahim, Muar	10%	100%	-	-	-	400,000.00
	Menaiktaraf lorong belakang serta kerja-kerja berkaitan di Jln Ali, Muar	10%	100%	-	-	-	400,000.00
	Cadangan membina bangunan Stor MPM di Jalan Ismail, Muar	30%	100%	-	-	-	1,200,000.00



Melaksana Pembangunan Secara Terancang

Strategi	Program / Inisiatif	Sasaran / Pencapaian / Peratus / Kuantiti					Bajet (Tahunan) RM
		2021	2022	2023	2024	2025	
Melaksanakan Pembangunan Secara Terancang	Menaiktaraf lampu konvensional kepada lampu LED dalam kawasan Bandar Maharani sebanyak 150 nos.	30 unit	30 unit	30 unit	30 unit	30 unit	105,000.00
	Menaiktaraf lampu isyarat Pintar dalam Bandar sebanyak 5 unit sistem lampu isyarat <i>'Wireless Detector Vehicle(WDV)</i>	1 unit	1 unit	1 unit	1 unit	1 unit	1,500,000.00
	Penyediaan 25 unit pondok bas mesra OKU dan mesra alam (LED)	5 unit	5 unit	5 unit	5 unit	5 unit	750,000.00
	Menaiktaraf bas sedia ada kepada sistem bas berdigital **	20%	20%	20%	20%	20%	500,000.00
Meningkatkan Pencapaian Kemampanan Bandar	Mendapatkan skor 3 bagi setiap indikator MURNInets.	84%	86%	88%	90%	92%	TIADA

Melaksana Pembangunan Secara Terancang

Strategi	Program / Inisiatif	Sasaran / Pencapaian / Peratus / Kuantiti					Bajet (Tahunan) RM
		2021	2022	2023	2024	2025	
Mencapai Anugerah-Anugerah Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa	Menyertai program-program pertandingan landskap dan perancang						
	i. Hari Landskap	1	0	0	0	4	Berdasarkan Keperluan
	ii. Hari Perancang Bandar	0	1	0	0		Berdasarkan Keperluan
	iii. "Green Apple Award"	0	0	1	0		Berdasarkan Keperluan
	iv. 'My Place Award'	0	0	0	1		Berdasarkan Keperluan
Prestasi Pelaksanaan Program Yang Dirancang Menggunakan Wang Caj Pemajuan	melaksanakan kajian khas berdasarkan laporan RTD - RKK Sg Muar - RKK Bandar Perabot - RKK Hub Nurseri	20%	40%	60%	80%	100%	TIADA



Melaksana Pembangunan Secara Terancang

Strategi	Program / Inisiatif	Sasaran / Pencapaian / Peratus / Kuantiti					Bajet (Tahunan) RM
		2021	2022	2023	2024	2025	
Pengindahan Bandar	a. Pengindahan 5 lorong belakang di kawasan bandar dan kawasan-kawasan tumpuan						
	i. Lorong diantara Jalan Sayang ke Jalan Haji Abu	1	0	0	0	0	100,000.00
	ii. Lorong diantara Jalan Haji Abu ke Jalan Yahya (A)	0	1	1	0	0	100,000.00
	iii. Lorong diantara Jalan Haji Abu ke Jalan Yahya (B)	0	0	0	1	0	100,000.00
	iv. Lorong diantara Jalan Meriam ke Jalan Ali (A)	0	0	0	0	1	100,000.00
	v. Lorong diantara Jalan Meriam ke Jalan Ali (B)	0	0	0	0	0	100,000.00
	b. Penyelenggaraan 117 Pokok Warisan	30%	50%	50%	70%	85%	150,000.00
	C. Pengindahan Taman Awam:						
	i. Tanjung Emas	1	0	0	0	0	500,000.00
	ii. Tanjung Ketapang	0	1	1	0	0	500,000.00
	iii. Pantai Leka	0	0	0	1	0	500,000.00
	iv. Sempadan Muar Batu Pahat (Semerah) **	-	-	-	1	-	250,000.00
	v. Jalan Muar-By Pass (Bangunan Baru MPM) **	-	-	-	1	-	250,000.00

Melaksana Pembangunan Secara Terancang

Strategi	Program / Inisiatif	Sasaran / Pencapaian / Peratus / Kuantiti					Bajet (Tahunan) RM
		2021	2022	2023	2024	2025	
Kawalan Pembangunan	Pewartaan RTD dan Pematuhan RTD	100%	100%	100%	100%	100%	Berdasarkan Keperluan
	Penguatkuasaan pembangunan yang tiada KM	30%	40%	50%	60%	70%	Berdasarkan Keperluan
	Pengemaskinian GIS	100%	100%	100%	100%	100%	Berdasarkan Keperluan
Kawalan Pembangunan Landskap	Pelan Induk Landskap	0%	10%	30%	45%	70%	500,000.00



JADUAL PELAN TINDAKAN

STRATEGI
OBJEKTIF

4

Kesejahteraan
Masyarakat
Secara Holistik

4 STRATEGI OBJEKTIF

Kesejahteraan masyarakat secara holistik

Strategi	Program / Inisiatif	Sasaran / Pencapaian / Peratus / Kuantiti					Bajet (Tahunan) RM
		2021	2022	2023	2024	2025	
Menghubungkan Komuniti Dan PBT	Hari Bertemu Pelanggan	1	1	1	1	1	100,000.00
	Sesi Town Hall	3	3	3	3	3	50,000.00
	Dialog Pengurusan MPM bersama Komuniti	2	2	2	2	2	10,000.00
	Program Gerak Mesra dan Pembangunan Masyarakat	48	48	48	48	48	72,000.00
	Gotong Royong Perdana Peringkat Daerah	1	1	1	1	1	100,000.00
	Kempen kebersihan (Plogging, Jalan Angkat)	20	25	30	35	40	5,000.00
Penggalakan Keusahawanan	Penyewaan Gerai (sediada 70%)	72%	75%	78%	80%	82%	5,000.00



Kesejahteraan masyarakat secara holistik

Strategi	Program / Inisiatif	Sasaran / Pencapaian / Peratus / Kuantiti					Bajet (Tahunan) RM
		2021	2022	2023	2024	2025	
Prestasi Pelaksanaan Program Kawasan Lapang	Pengambilan tanah bagi tujuan kawasan lapang berpusat	20%	40%	60%	80%	100%	TIADA
Mengadakan Program-program Pembangunan Kerjasama Melibatkan Pelabur Dan Penduduk	Program Mesra Pelabur	1	1	1	1	1	TIADA
	a. Gerak Mesra	2 kali	2 kali	2 kali	2 kali	2 kali	Berdasarkan keperluan
	b. Sesi Town Hall	1	1	1	1	1	Berdasarkan keperluan
	c. Kebun Komuniti	1	1	1	1		Berdasarkan keperluan



Kesejahteraan masyarakat secara holistik

Strategi	Program / Inisiatif	Sasaran / Pencapaian / Peratus / Kuantiti					Bajet (Tahunan) RM
		2021	2022	2023	2024	2025	
Melaksanakan Program Bandar Selamat	a. Projek laluan basikal (pemisah laluan basikal dan laluan motor)	1	0	0	0	0	100,000.00
	b. Penambahan pemasangan dan penyelenggaraan CCTV di kawasan hotspot.	0	1	0	0	0	100,000.00
	c. Pencahayaan lorong belakang	0	0	1	0	0	500,000.00
	d. Penyediaan tempat letak motorsikal berkunci di kawasan tumpuan	5 Unit	5 Unit	5 Unit	5 Unit	5 Unit	100,000.00
	e. Pemasangan cermin pantulan keselamatan	5 Unit	5 Unit	5 Unit	5 Unit	5 Unit	17,500.00
	f. Memastikan patching jalan berlubang dibuat kurang daripada 1 hari berkerja dalam kawasan operasi MPM	100%	100%	100%	100%	100%	10,000.00

JADUAL PELAN TINDAKAN

STRATEGI
OBJEKTIF

5

Mewujudkan
Persekitaran Kondusif

5 STRATEGI OBJEKTIF

Mewujudkan persekitaran kondusif

Strategi	Program / Inisiatif	Sasaran / Pencapaian / Peratus / Kuantiti					Bajet (Tahunan) RM
		2021	2022	2023	2024	2025	
Penguatkuasaan	Mewujudkan pemantauan rondaan dan kawalan berbasikal (PRB) di sekitar kawasan tempat awam dan Taman Rekreasi seperti Tanjung atau kawasan Pusat Bandar	5	5	5	5	5	10 000.00
	Mewujudkan pemantauan rondaan dan kawalan motor (scuter) elektrik di sekitar kawasan tempat awam dan Taman Rekreasi seperti Tanjung atau kawasan Pusat Bandar	2	2	2	2	2	6 000.00





PENUTUP

PELAN
STRATEGIK
2021-2025

PENUTUP

Kejayaan menyiapkan dokumen Pelan Strategik Majlis Perbandaran Muar 2021-2025 ini adalah bukti komitmen dan kerja keras warga kerja MPM dalam menyusun strategi ke arah merealisasikan **visi dan misi MPM.**

Pelan strategik ini bukan sahaja suatu rangka yang disusun untuk pelaksanaan kerja yang lebih fokus, terancang dan bersistematik namun ianya perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas iaitu sebagai dokumen terpenting organisasi bagi menentukan hala tuju MPM untuk jangka masa panjang.

Penetapan teras strategik adalah sangat jelas dan pencapaiannya akan diukur melalui Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Pelan tindakan yang dirangka melalui inisiatif strategik menggariskan usaha-usaha yang berterusan, konsisten dan fleksible. Tumpuan akan diberikan kepada pemantauan pencapaian, usaha mengukuhkan mekanisme pelaksanaan, penambahbaikan dan penilaian semula apa yang telah direncanakan.

Pelaksanaan Pelan Strategik ini memerlukan komitmen yang tinggi daripada semua pihak. Persekitaran yang semakin berubah serta harapan tinggi pelanggan dan pihak berkepentingan memerlukan MPM sentiasa bersedia melaksanakan perubahan dan penambahbaikan agar terus relevan. Sehubungan dengan itu, diharap segala manifestasi yang digarap dalam

Pelan Strategik ini menjadi ‘pembakar semangat’ kepada seluruh warga kerja MPM seterusnya menjadi harapan baharu kepada penduduk Muar untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa, makmur seiring dengan keunikan, kemajuan Bandar Muar sebagai **Bandar Berdaya Tahan dan Berdaya Huni**

Sekian, terima kasih.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan diucapkan kepada semua **warga kerja Majlis Perbandaran Muar** yang terlibat dalam membangunkan **Pelan Strategik Majlis Perbandaran Muar** bagi tahun **2021-2025**.

Diharapkan **Pelan Strategik** ini dapat menjadi garis panduan kepada pelaksanaan dan tindakan untuk mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan menjelang **tahun 2025**.



MAJLIS PERBANDARAN MUAR
Karung Berkunci No.516,
84009 Muar, Johor Darul Ta'zim

 +606 9521 205, +606 952 1206,
+606 954 1076, +606 954 1075,

 +606 9512 2522

 <http://www.mpmuar.gov.my>

 mpmuar@johor.gov.my
